



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

# PEMBERITAHUAN

## *MALAYSIAN UNIVERSITY ENGLISH TEST (MUET)*

### 1. RAYUAN SEMAK SEMULA KEPUTUSAN MUET

Mulai MUET Pertengahan Tahun 2011, calon boleh membuat rayuan penyemakan semula keputusan ujian MUET. Caj bagi rayuan menyemak semula keputusan ujian MUET ialah **RM70.00**. Tarikh tutup rayuan semak semula ini ialah **dua minggu** selepas tarikh keputusan ujian MUET diumumkan. Maklumat lanjut tentang rayuan penyemakan semula keputusan ujian MUET dapat diperolehi melalui laman Web Majlis Peperiksaan Malaysia [www.mpm.edu.my](http://www.mpm.edu.my).

### 2. KADAR YURAN BAHARU MUET

Dimaklumkan bahawa kadar bayaran yuran MUET yang baharu ialah **RM100.00 per calon** yang merangkumi bayaran RM40.00 untuk bayaran asas dan RM60.00 untuk bayaran mata pelajaran. Kadar bayaran yuran MUET yang baharu ini akan berkuat kuasa mulai pendaftaran MUET tahun **2012**.

### 3. PELAKSANAAN MUET TIGA KALI SETAHUN

Mulai MUET tahun **2012** juga, ujian MUET akan dijalankan sebanyak **tiga** kali setahun dan dijangka akan berlangsung pada bulan **Mac, Julai, dan November**. Kalendar bagi ujian MUET untuk tahun 2012 boleh dirujuki melalui laman Web Majlis Peperiksaan Malaysia [www.mpm.edu.my](http://www.mpm.edu.my).

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA  
Bangunan MPM, Persiaran 1  
Bandar Baru Selayang  
68100 BATU CAVES  
Selangor Darul Ehsan

Telefon: 03-6136 9663  
Faksimile: 03-6136 1488  
E-mel: [ceo@mpm.edu.my](mailto:ceo@mpm.edu.my)  
Laman Web: [www.mpm.edu.my](http://www.mpm.edu.my)